

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 11.06.2015**

**Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini dalam rombakan dan pemulihan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Berapakah penerbangan destinasi antarabangsa yang dibatalkan serta berapakah bilangan pekerja yang diberhenti atau dikerahkan ke jabatan-jabatan lain, disenaraikan mengikut kaum, jantina dan usia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pengumuman Pelan Pemulihan MAS oleh Khazanah Nasional Bhd pada 29 Ogos 2014 dan seterusnya penerbitan Laporan Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang pertama pada 28 November 2014 dan Laporan Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang kedua pada 2 Mac 2015, beberapa pencapaian utama telah berjaya dilakar seperti berikut:

- a. Bayaran berjumlah RM1.38 bilion telah dibuat kepada pemegang saham lanjutan daripada kelulusan pembayaran balik modal secara terpilih sebagai sebahagian daripada fasa pertama pendanaan pelaburan bersyarat berjumlah sehingga RM2.0 bilion;
- b. Saham MAS telah dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 31 Disember 2014;
- c. Akta Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2015 (Akta MAS) dikuatkuasakan pada 20 Februari 2015 setelah diluluskan di Parlimen;

- d. Rang Undang-Undang Suruhanjaya Penerbangan 2015 telah diluluskan di Parlimen pada 22 April 2015;
- e. Christoph Mueller secara rasminya telah memulakan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MAS pada 1 Mei 2015;
- f. Kira-kira 4,000 kontrak telah dikenal pasti dalam kajian semula menyeluruh kontrak-kontrak MAS untuk samada diserahkan hak (*novation*), ditamatkan dan dirunding semula. Rundingan semula dengan Brahim Airline Catering Sdn Bhd dimuktamadkan dengan pemeteraian Perjanjian Katering Baru pada 10 Mei 2015;
- g. Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC) akan mula beroperasi pada 28 Mei 2015. Pusat tersebut menyediakan peluang latihan dan penempatan semula bagi kakitangan MAS yang tidak diserap ke Syarikat Baru (NewCo);
- h. Perpindahan kakitangan daripada Subang ke Bangunan Kemudahan

Sokongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijadualkan akan bermula pada Ogos 2015; dan

- i. Panel Perundingan Pekerja atau *Employee Consultative Panel (ECP)* telah mengadakan tiga mesyuarat pada 8 Disember 2014, 17 Februari 2015 dan 13 Mei 2015 yang dihadiri oleh wakil bagi semua kesatuan sekerja, persatuan kakitangan dan wakil kakitangan yang tidak termasuk dalam kesatuan sekerja. Mereka yang hadir diberi penerangan tentang status terkini berkaitan Pelan Pemulihan MAS, pengumuman barisan kepimpinan, kaedah penilaian bakat, CDC, program kajian semula bakat, skim pemisahan pekerja, penggajian di NewCo dan pengurusan peringkat peralihan.

Buat masa ini, MAS akan terus beroperasi berdasarkan kedudukan kos tanpa perlu meneruskan sesuatu laluan penerbangan dalam keadaan kerugian berterusan sehingga fasa terakhir penstrukturan semula MAS ke NewCo pada 1 September 2015. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, seramai 6,000 kakitangan MAS akan diberhentikan ekoran penutupan MAS dan setiap kakitangan akan menerima pampasan

sewajarnya menjelang penubuhan NewCo pada 1 September 2015. Kakitangan MAS yang terlibat telahpun menerima surat penamatan perkhidmatan pada 1 Jun 2015 yang lalu manakala jumlah kakitangan yang akan ditawarkan pekerjaan ke dalam NewCo adalah tertakluk kepada keperluan dan pelan perniagaan NewCo. Senarai maklumat kakitangan mengikut kaum, jantina dan usia adalah tertakluk kepada perancangan NewCo.